

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

ZCC 215/3 Ilmu Fizik Moden I

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawan EMPAT soalan sahaja.

Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

$$\text{Halaju cahaya } c = 3.0 \times 10^8 \text{ ms}^{-1}$$

$$\text{Jisim rehat elektron } m_e = 9.1 \times 10^{-31} \text{ kg}$$

$$\text{Pemalar Planck } h = 6.626 \times 10^{-34} \text{ Js}$$

$$\text{Pemalar ketelusan ruang bebas } \epsilon_0 = 8.85 \times 10^{-12} \text{ Fm}^{-1}$$

1. (a) Nyatakan dua prinsip yang diperkenalkan oleh Einstein dalam teori kerelatifan khas. Terangkan dengan jelas maksud prinsip-prinsip tersebut. (40/100)
- (b) Daripada persamaan transformasi Lorentz-Einstein bagi koordinat dan masa, terbitkan persamaan transformasi Lorentz-Einstein bagi halaju. (30/100)
- (c) Suatu atom radioaktif bergerak dengan kelajuan  $0.3c$  dalam arah positif-x merujuk kepada seorang pemerhati makmal. Atom kemudiannya mengeluarkan satu elektron yang mempunyai kelajuan  $0.8c$  dalam rangka rehat atom. Hitungkan kelajuan elektron tersebut merujuk kepada pemerhati makmal jika iaanya dikeluarkan dalam arah
  - (i) positif-x dan
  - (ii) negatif-x.(30/100)

2. (a) Terangkan dengan jelas dan terbitkan persamaan-persamaan bagi konsep

- (i) pengeutan panjang Lorentz-Fitzgerald dan
- (ii) dilasi masa.

(20/100)

(b) Seorang angkasawan yang berumur 30 tahun meninggalkan bumi ke bintang yang terdekat dengan menaiki roket yang bergerak dengan kelajuan  $0.8c$ . Jarak bintang tersebut dari bumi ialah 4 tahun cahaya. Setelah sampai di bintang, angkasawan itu dengan serta-merta pulang ke bumi dengan kelajuan  $0.9c$ . Menurut kiraan angkasawan tersebut, berapakah umurnya ketika beliau sampai di bumi? Berikan jawapan anda dalam unit tahun.

Diberi bahawa 1 tahun cahaya adalah bersamaan dengan  $9.46 \times 10^{15}$  m. (40/100)

(c) Terbitkan persamaan kesan Doppler membujur bagi sumber cahaya yang bergerak dengan kelajuan  $v$  ke arah suatu pengesan. Frekuensi cahaya yang dipancar oleh sumber ialah  $f'$ . (20/100)

(d) Suatu satelit bergerak menjauhi bumi dengan suatu kelajuan tetap dan memancarkan data-data inframerah ke bumi pada kadar 10,000 denyutan sesaat. Berapakah kelajuan satelit jika bumi menerima data-data inframerah tersebut pada kadar 1234 denyutan sesaat? (20/100)

3. (a) Berpandukan persamaan dan graf yang sesuai, terangkan dengan jelas makna jisim kerelatifan. (20/100)

(b) Suatu roket berjisim  $10^4$  kg bergerak dari keadaan rehat. Hitungkan tenaga yang diperlukan untuk mempercepatkan roket tersebut supaya ianya mencapai kelajuan  $0.9c$ . (20/100)

(c) Tuliskan dengan jelas beberapa keputusan penting yang boleh dicerap dalam eksperimen kesan fotoelektrik. Tunjukkan bahawa keputusan-keputusan tersebut hanya boleh diterangkan oleh teori kuantum cahaya. (30/100)

...3/-

- (d) (i) Suatu cahaya berjarak gelombang  $4000 \text{ \AA}$  menghentam permukaan litium. Jika fungsi kerja bagi litium ialah  $2.13 \text{ eV}$ , berapakah tenaga kinetik bagi fotoelektron yang paling laju?
- (ii) Berapakah jarak gelombang maksimum foton yang diperlukan untuk membebaskan fotoelektron daripada litium dengan kelajuan  $0.95c$ ? (30/100)
4. (a) Terbitkan persamaan kesan Compton bagi penyerakan foton oleh elektron yang pada awalnya adalah pegun. (40/100)
- (b) Foton tuju yang bertenaga  $10.39 \text{ keV}$  mengalami serakan Compton pada sudut  $45^\circ$  relatif kepada alur tujunya. Hitungkan
- (i) tenaga foton yang terserak pada sudut tersebut dan
- (ii) tenaga kinetik yang diberikan kepada elektron terserak. (20/100)
- (c) Terangkan dengan jelas Prinsip Ketaktentuan Heisenberg. (20/100)
- (d) Jisim rehat suatu zarah ialah  $2.46 \times 10^{-27} \text{ kg}$  dan masa hayatnya pula ialah  $2 \times 10^{-23} \text{ s}$ . Berapakah julat tenaga rehat zarah tersebut? (20/100)
5. (a) Bincangkan secara ringkas tetapi jelas kemajuan model-model atom sejak tahun 1898 sehingga tahun 1913. Nyatakan dalam perbincangan anda kelemahan model-model tersebut dan anggapan yang diambil kira supaya model atom menjadi lebih sempurna dan dapat menerangkan keputusan-keputusan eksperimen. (40/100)
- (b) Hitungkan jarak gelombang yang paling pendek dan jarak gelombang yang paling panjang bagi setiap siri spektrum hidrogen yang dinyatakan di bawah. Pemalar Rydberg  $R$  bagi atom hidrogen bernilai  $1.097 \times 10^7 \text{ m}^{-1}$ .

...4/-

- (i) Siri Pfund
- (ii) Siri Brackett
- (iii) Siri Paschen
- (iv) Siri Balmer

(40/100)

- (c) Gunakan Model Atom Bohr bagi hidrogen untuk menentukan halaju elektron dalam keadaan teruja  $n = 3$ .

(20/100)

- 00000000 -